

14 JUL 2002

Sukan-Berbasikal (Le Tour)/I

LANGKAWI KEMBALI SEBAGAI TEMPAT PERLUMBAAN JELAJAH LANGKAWI

PUTRAJAYA, 14 Julai (Bernama) -- Selepas tidak disenaraikan pada perlumbaan tahun ini, Langkawi kembali sebagai tempat permulaan perlumbaan Jelajah Le Tour de Langkawi (LTdL) Edisi Kelapan tahun depan.

Pulau itu, yang akan menganjurkan perlumbaan ujian masa individu, adalah antara beberapa bandar di Malaysia yang akan dilawati semula oleh perlumbaan utama basikal negara itu yang dianjurkan setiap tahun oleh First Cartel (M) Sdn Bhd.

Dengan sokongan kerajaan Malaysia melalui Kementerian Belia dan Sukan, perlumbaan itu mendapat pengiktirafan Union Cycliste Internationale (UCI), Konfederasi Berbasikal Asian (ACC) dan Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (MNCF).

"Sejarah permulaan jelajah ini memang ada kaitan dengan Pulau Langkawi dan kami tentunya bangga akan ke sana semula tahun depan," kata pengerusi eksekutif First Cartel, Datuk Wan Lokman Datuk Paduka Wan Ibrahim pada majlis pelancaran Le Tour de Langkawi 2003 di sini hari ini.

Dengan laluan baru jelajah ini, Johor dan Melaka tidak akan termasuk dalam senarai laluan perlumbaan tahun depan. Ini kerana kurangnya hari perlumbaan kepada 10 hari.

Antara tempat perlumbaan baru tahun depan ialah Butterworth, Kulim, Tanah Merah, Marang, Chukai dan Seremban.

"Saya bangga mengumumkan bahawa terdapat beberapa bandar baru pada perlumbaan kali ini. Saya percaya bandar-bandar ini akan mendapat faedah daripada perlumbaan ini. Kita berharap langkah ini akan membantu memperkenalkan bandar-bandar berkenaan kepada dunia luar," tambah Wan Lokman.

Le Tour de Langkawi 2003 telah dilancarkan secara rasmi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga penaung perlumbaan di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah para penaja, pegawai perlumbaan, kakitangan perlumbaan, sukarelawan, wakil-wakil daripada agensi kerajaan, media dan pelumba-pelumba basikal kebangsaan.

Walaupun terdapat beberapa perubahan kepada tempat perlumbaan, laluan penting dalam perlumbaan sebelum ini, mendaki bukit ke Genting, kekal.

Seperti jelajah yang lepas, Genting biasanya menjadi penentu kepada bakal pemenang jelajah. Yang berlainan pada jelajah kali ini ialah perlumbaan mendaki Genting akan bermula dari Seremban.

Kuala Lumpur akan sekali lagi menjadi hos kepada perlumbaan terakhir, kriterium mengelilingi pusat bandar.

Mengenai status Le Tour de Langkawi tahun depan, Wan Lokman berkata ia belum diputuskan oleh UCI lagi. First Cartel telah memohon kepada UCI supaya status LTdL ini dinaikkan daripada kedudukan 2.3nya sekarang. Badan dunia itu dijangka akan membuat keputusan tersebut bulan depan.

-- BERNAMA

SZA ZS ZB